



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

POLISI CAPAIAN INTERNET

VERSI 4.0

<p>Disemak Oleh:</p>  <p>.....</p> <p>Nama : AIESA BIN SAAD</p> <p>Jawatan : Ketua Program Teknologi Maklumat</p> <p>Tarikh : 26/01/2021</p>	<p>Diluluskan Oleh:</p>  <p>.....</p> <p>Nama : MURAD BIN ISA</p> <p>Jawatan : Ketua Bahagian Teknologi Maklumat</p> <p>Tarikh : 26/01/2021</p>
---	--

POLISI CAPAIAN INTERNET

Bil	Perkara	Keterangan
1	Latar Belakang	<p>a) Capaian rangkaian dari INSTUN ke internet adalah menggunakan perkhidmatan Metro-E (100Mbps) yang disediakan oleh pihak MAMPU dan GITN mulai 2012. Kemudahan capaian internet boleh digunakan di semua kawasan INSTUN seperti kawasan pejabat INSTUN, asrama peserta kursus dan kuarters pegawai INSTUN. Pengguna ICT INSTUN terdiri dari Pegawai INSTUN (tetap/kontrak), peserta kursus dan pelawat.</p> <p>b) Bagi tujuan kawalan keselamatan ICT INSTUN, Bahagian Teknologi Maklumat menggunakan perkakasan kawalan capaian internet (<i>content filtering</i>) yang disediakan oleh MAMPU. Antara keperluan penggunaan perkakasan ini adalah untuk mengawal dan memantau capaian ke Internet dan aplikasi yang tidak dibenarkan seperti laman lucah dan muat turun <i>peer to peer (P2P)</i>, <i>malicious code</i>, <i>phishing attack</i>, <i>bots</i> dan sebagainya.</p> <p>c) Untuk memastikan perkakasan kawalan capaian internet ini dapat beroperasi dengan betul, polisi (<i>rule</i>) capaian internet perlu disediakan dan diluluskan oleh Pihak Atasan INSTUN untuk diterima pakai sebagai Polisi Capaian Internet INSTUN.</p>
2	Tujuan Polisi	<p>Polisi ini bertujuan untuk menerangkan cara-cara pelaksanaan polisi capaian internet di INSTUN menggunakan perkakasan kawalan capaian internet (<i>content filtering</i>) bagi tujuan kawalan keselamatan ICT, kelancaran capaian internet di INSTUN dan selaras dengan arahan kerajaan:</p> <p>a) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2003 iaitu Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan di PARA 6 (B), MEMILIH LAMAN dan PARA 7, LARANGAN;</p> <p>b) Polisi Keselamatan Siber INSTUN.</p>

3	Senarai Pengguna	Bil	Pengguna	Gred	Kategori
		1	Pegawai dan Kakitangan	a) Pengarah b) Ketua Bahagian c) Pegawai Gred 1 – 48 d) Pegawai Sambilan Harian / Khidmat Singkat e) Pelajar Praktikal	STAFF
		2	Pelawat	a) Peserta Kursus b) Pegawai Vendor / Syarikat c) Pelawat d) Lain-lain	GUEST
4	Jadual Waktu Kerja Pegawai / Kakitangan INSTUN	Hari	Waktu Pelaksanaan		
		Isnin - Jumaat	7.30 pagi – 6.00 petang		
		*Sabtu – Ahad adalah hari cuti / bukan waktu kerja di INSTUN			
5	Polisi yang dilaksanakan	Bil	Capaian	Polisi	Justifikasi
		1	Laman yang dilarang mengikut pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2003 iaitu Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan (tertakluk kepada pindaan) berkuatkuasa seperti contoh berikut : a) Adult-and-pornography, b) Nudity, c) Spam, d) Bot-net, e) Confirmed-spam-sources, f) Games, g) Keyloggers-and-monitoring, h) Malware-sites,	Capaian tidak dibenarkan pada bila-bila masa sama ada untuk STAFF atau GUEST.	a) Penggunaan Internet dengan cara yang tidak bertanggungjawab boleh mengancam keselamatan, keutuhan dan kerahsiaan maklumat, melemahkan sistem ICT dan pengurusan rekod elektronik serta mengganggu sistem rangkaian ICT b) Berpotensi menyebabkan gangguan kelancaran capaian internet di INSTUN

	<ul style="list-style-type: none"> i) Online-gambling, j) Online-music, k) Online-personal-storage, l) Open-http-proxies, m) Peer-to-peer, n) Phishing-and-other-frauds, o) Proxy-avoidance-and-anonymizers, p) Spam-urls, Spyware-and-adware q) Individual-stock-advice-and-tools, r) Shareware-and-freeware 		
	<p>2 Video Streaming-media seperti contoh berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Video b) Music c) Youtube dan d) Lain-lain 	<p>Capaian dibenarkan hanya untuk STAFF dan GUEST pada bila-bila masa.</p>	<p>Capaian hanya dibenarkan untuk tujuan pembelajaran, penyelidikan, analisis, rujukan dan bahan-bahan lain yang berfaedah</p>
	<p>3 Media Sosial seperti contoh berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Facebook; b) Twitter; c) Instagram dan d) Lain-lain 	<p>Capaian dibenarkan untuk STAFF dan GUEST pada bila-bila masa.</p>	<p>Agensi Kerajaan menggunakan Media Sosial untuk perhubungan dengan orang ramai</p>
	<p>4 Semua laman web Kerajaan dan lain-lain</p>	<p>Capaian dibenarkan kepada semua pengguna pada bila-bila masa</p>	<ul style="list-style-type: none"> a) Tidak berpotensi menyebabkan ancaman keselamatan ICT b) Tidak berpotensi menyebabkan gangguan kelancaran (<i>bandwidth</i>) capaian internet secara keseluruhan

6	Keperluan lain-lain	Jika ada keperluan, pegawai INSTUN boleh membuat permohonan capaian kepada laman web tertentu dengan mendapat kelulusan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) melalui Ketua Bahagian masing-masing.
---	----------------------------	---

Disediakan Oleh :

Unit Rangkaian dan Keselamatan
Bahagian Teknologi Maklumat
INSTUN